



**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,
JABATAN PENDAFTAR,
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH,
26600 PEKAN,
PAHANG DARUL MAKMUR**

Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Jumlah Kekosongan Jawatan - **TETAP / KONTRAK : 1**

Penempatan Jawatan: PUSAT BAHASA MODEN, UMPSA PEKAN

GURU BAHASA GRED DG41/DG44/DG48/DG52/DG54

Kelayakan:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) ijazah sarjana muda dalam bidang pengajaran bahasa atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan

2. Calon bagi lantikan hendaklah **memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DG41 :

1. ijazah sarjana muda dalam bidang pengajaran bahasa atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,289.73);

SYARAT TAMBAHAN LANTIKAN

- 1. Memiliki Kejujian sekurang-kurangnya C6 dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau mencapai aras minimum 3 dalam *Malaysia University English Test (MUET)*.**
 - Mencapai sekurang-kurangnya **CGPA 3.00** pada peringkat **ijazah sarjana muda**.
 - Mempunyai kemahiran komunikasi interpersonal dan pembentangan serta minat yang mendalam terhadap pengajaran dan pembelajaran.
 - Berkemahiran dengan penggunaan perisian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran.
 - Mempunyai minat untuk sentiasa meningkatkan kemahiran dalam pembangunan modul dan bahan pengajaran, pentaksiran dan lain-lain kemahiran berkaitan pengajaran dan pembelajaran.
-

Mempunyai kemahiran dalam bidang:

- 1) Language & Communication (English)
- 2) Education (English)

Klasifikasi Bidang:

Memiliki kelayakan Bahasa Inggeris;

- 1) Malaysia University English Test (MUET) - Band 5 / C1 atau;
- 2) International English Language Testing System (IELTS) - Band 7 atau:
- 3) any Common European Framework of Reference for Languages (CEFR) aligned test – C1

Mempunyai kelayakan tambahan seperti sijil penterjemahan akan diberi keutamaan.

Kekosongan jawatan adalah untuk Guru Bahasa Inggeris Gred DG41

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMPSA berasaskan pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

SYARAT-SYARAT UMUM

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

TARAF JAWATAN

Jawatan akan dilantik secara Tetap / Kontrak.

UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian dengan mengisi maklumat pemohon di laman sesawang UMPSA, [E-recruitment UMPSA](#)

PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Nilai Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18. Sila hantarkan ke alamat berikut :

PUSAT PENGURUSAN BAKAT

JABATAN PENDAFTAR

CANSELERI TUN ABDUL RAZAK

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

26600 PEKAN

PAHANG DARUL MAKMUR

(U/P : Unit Perjawatan Pentadbiran/Unit Perjawatan Akademik)

CATATAN AM

- (a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga melalui e-mel yang telah berdaftar dengan UMPSA.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

PERMOHONAN ATAS TALIAN

TARIKH BUKA

: 15/08/2022

TARIKH TUTUP

: 29/08/2022